

14 OCT 1999

MAHATHIR-BNM

TIADA PERCANGGAHAN ANTARA KERAJAAN DAN BNM MENGENAI PENGGABUNGAN BANK

KUALA LUMPUR, 14 Oct (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan bahawa terdapat percanggahan antara kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung program penggabungan bank tempatan.

"Tiada percanggahan. Bank pusat biasanya mengikut dasar kerajaan," beliau memberitahu pemberita apabila ditanya sama ada terdapat perbezaan pendapat di antara kedua-dua berikutan keputusan kerajaan untuk melonggarkan program penggabungan dipercepatkan oleh BNM.

Bercakap selepas melancarkan Persatuan Doktor-doktor Pakar Islam Malaysia (ISDAM) di sini, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu mengapa BNM berdiam diri selepas kerajaan memutuskan tidak terlalu mendesak bagi penggabungan bank.

"Saya rasa mereka tiada apa yang hendak diumumkan. Itulah kenapa mereka diam. Saya tidak fikir anda patut memikir terlalu banyak ke dalam perkara-perkara ini," tambah beliau.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa kerajaan akan fleksibel mengenai tarikh akhir bagi bank-bank mencapai persetujuan muktamad mengenai urusan penggabungan mereka.

Ini lebih-lebih lagi jika bank-bank itu gagal memenuhi tarikh akhir 1 April 2000 untuk memulakan prniagaan sebagai entiti-entiti digabungkan.

"Jika mereka tidak boleh melakukannya, kami akan bertimbang rasa sekali," kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata bahawa rancangan awal untuk menyatukan industri perbankan menjadi enam bank utama dan kemudian membenarkan lebih banyak bank induk telah diputuskan bersama oleh beliau sendiri dan Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin.

Dr Mahathir menambah bahawa pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku ketiga "adalah lebih baik daripada pertumbuhan suku kedua."

Malaysia mencatatkan pertumbuhan 4.1 peratus KDNK dalam suku kedua tahun ini, berbanding penguncupan 1.3 peratus dalam suku pertama. --

BERNAMA

AD FR OS